

Enam ikhtiar rakyat tumpu pembinaan kapasiti negara



Dekan Pusat Pengajian Pengajian Antarabangsa (SoIS), Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Madya Dr Nazariah Osman
bhrencana@bh.com.my

Enam inisiatif diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sempena Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2026 memperlihatkan satu corak dasar menarik kerajaan cuba bergerak daripada subsidi umum kepada intervensi lebih bersasar, pembinaan kapasiti manusia dan peningkatan kecekapan institusi.

Pengumuman membabitkan enam inisiatif ini, iaitu pelonggaran kelayakan BUDI MADANI, peningkatan peruntukan penyelenggaraan sekolah, program kecerdasan buatan (AI) untuk belia, pendigitalan kesihatan awam, pelonggaran e-Invois dan pengukuhan pembiayaan perniagaan mikro, dibuat dalam latar ekonomi relatif lebih kukuh.

Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku kedua 2026 berkembang 6.0 peratus berbanding 5.4 peratus sebelumnya, inflasi 1.9 peratus, pengangguran 3.0 peratus dan pelaburan diluluskan bagi 2025 berjumlah RM431.1 bilion. Perdagangan suku kedua pula melebihi RM3 trilion, sementara kedudukan daya saing Malaysia meningkat kepada tangga ke-15 dunia.

Ini penting kerana dasar sosial mampan memerlukan ruang fiskal sementara ruang fiskal pula hanya boleh dipertahankan melalui pertumbuhan, disiplin dan tatakelola. Atas sebab itu, enam ikhtiar ini wajar dilihat sebagai kesinambungan kepada reformasi fiskal dan struktur kerajaan, termasuk Akta Tanggungjawab Fiskal, Akta Perolehan Kerajaan, penyasaran subsidi, pindaan Akta Audit, Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional dan pengukuhan institusi Parlimen.

• Pertama, BUDI MADANI dan persoalan keadilan subsidi

Kerajaan mengembalikan kelayakan BUDI MADANI RON95 daripada 200 kepada 300 liter, manakala kelayakan diesel bagi pemilik pikap dan jip dinaikkan daripada 300 kepada 400 liter, berkuat kuasa 1

September. Kerajaan mengangalkan langkah itu memberi manfaat kepada 16 juta pengguna BUDI95 dan lebih setengah juta pengguna diesel.

Signifikannya bukan semata-mata penambahan 100 liter. Ia menunjukkan penyasaran subsidi bukan proses statik. Apabila data penggunaan menunjukkan ambang terdahulu terlalu ketat bagi sebahagian pengguna yang benar-benar memerlukan bahan api, dasar perlu diselaraskan.

Prinsip ini penting dalam ekonomi kebajikan, iaitu subsidi bersasar tidak bermaksud subsidi semakin kecil, tetapi subsidi semakin tepat. Keberanian merasionalisasi subsidi perlu diseimbangkan dengan kesediaan membetulkan parameter apabila realiti rakyat menunjukkan sebaliknya.

• Kedua, sekolah sebagai infrastruktur pembangunan manusia

Peruntukan penyelenggaraan dan pembaikan sekolah pula dinaikkan daripada RM1 bilion pada 2026 kepada RM1.5 bilion pada 2027. Lebih penting, skopnya merangkumi sekolah kebangsaan (SK), sekolah jenis kebangsaan (SJK) Cina dan Tamil, sekolah agama, tahfiz, pondok serta sekolah pendidikan khas. Kementerian Pendidikan (KPM) diarahkan turun padang mulai 1 September dan kerja dijadualkan bermula seawal Januari 2027.

Ini penting kerana kualiti pendidikan tidak hanya ditentukan kurikulum dan guru. Persekitaran fizikal turut membentuk maruah dan psikologi pembelajaran seorang anak. Negara tidak boleh bercakap mengenai ekonomi berpendapatan tinggi jika sebahagian muridnya masih belajar dalam infrastruktur gagal memenuhi piawaian asas.

• Ketiga, AI sebagai instrumen pendemokrasian peluang

Program AI untuk Rakyat menyasarkan 100,000 belia berusia antara 18 hingga 30 tahun. Peserta yang menyelesaikan modul pembelajaran AI di Rakyat Digital diberikan langganan percuma selama tiga bulan. Ini mungkin inisiatif paling berorientasikan masa hadapan antara keenam-enam pengumuman.

Cabaran AI bukan sekadar sama ada Malaysia menggunakan teknologi berkenaan, tetapi siapa me-

miliki keupayaan untuk menggunakannya. Jika hanya tenaga kerja berpendapatan tinggi dan syarikat besar mempunyai kemahiran AI, teknologi akan memperluas jurang produktiviti. Jika akses kepada pengetahuan itu didemokrasikan, AI berpotensi menjadi instrumen mobiliti sosial.

• Keempat, RM1 bilion untuk kesihatan digital

Kerajaan menyediakan RM1 bilion bagi mempercepat rawatan dan mengurangkan tempoh menunggu melalui sistem Rekod Kesihatan Elektronik (EMR) serta peningkatan keterhubungan WiFi, membabitkan 150 hospital dan 2,000 klinik kesihatan.

Nilai sebenar reformasi ini bukan pada membeli komputer atau mempercepat internet. Sistem kesihatan moden memerlukan kesinambungan data pesakit. Apabila rekod berpecah antara klinik, hospital dan jabatan, doktor kehilangan masa, pemeriksaan mungkin berulang dan keputusan rawatan dibuat dengan maklumat tidak lengkap. Oleh itu, RM1 bilion ini boleh menjadi pelaburan produktiviti sektor awam sangat besar jika berjaya membina interoperabiliti sebenar.

• Kelima, e-Invois dan pragmatisme reformasi

Ambang pengecualian e-Invois dinaikkan daripada jualan tahunan RM1 juta kepada RM3 juta, menyebabkan sekitar 1.1 juta perniagaan dikecualikan. Ini memperlihatkan perbezaan antara reformasi dogmatik dengan reformasi pragmatik.

E-Invois penting untuk memperluas pendigitalan, memperbaiki pematuhan cukai dan mengurangkan ketirisan tetapi kos pematuhan tidak sama bagi syarikat besar dan peniaga kecil. Bagi perusahaan mikro, sistem baharu boleh membawa kos perisian, latihan dan pentadbiran yang tidak seimbang dengan saiz perniagaan. Menaikkan ambang tidak bermaksud meninggalkan reformasi, tetapi ia mengiktiraf kapasiti pematuhan mesti berkembang bersama tuntutan regulatori.

• Keenam, ekonomi mikro sebagai asas ekonomi sebenar

Kerajaan menambah RM1 bilion kepada pembiayaan perniagaan mikro 2026, menjadikan jumlah keseluruhan RM6 bilion, selain menyediakan RM200 juta Geran Sejahtera MADANI bagi kelengkapan peniaga kecil termasuk ibu yang berniaga dari rumah, penjaja dan peniaga pasar malam.

Ini penting kerana struktur ekonomi Malaysia tidak hanya terdiri daripada syarikat tersenarai, industri semikonduktor dan pelaburan asing. Jutaan rakyat hidup dalam ekonomi mikro. Pembiayaan kepada mereka mempunyai kesan pengganda yang berbeza di mana wang berputar lebih cepat dalam ekonomi tempatan dan menyentuh isi rumah secara langsung.

Apabila disatukan, terdapat suatu falsafah dasar jelas dalam enam inisiatif ini. Sebahagiannya melindungi rakyat daripada tekanan semasa; sebahagiannya mengurangkan kos pematuhan; dan sebahagian lagi meningkatkan keupayaan rakyat dan institusi untuk menghadapi masa depan.

Itulah evolusi perlu berlaku kepada negara kebajikan moden. Negara tidak boleh sekadar bertanya berapa banyak bantuan telah diberikan. Pertanyaan yang lebih penting ialah adakah intervensi negara menjadikan rakyat lebih berdaya tahan, institusi lebih cekap dan ekonomi lebih produktif.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Pelajar melihat kandungan buku Pelan Tindakan AI Kebangsaan 2026-2030 pada Majlis Peluncuran AI Malaysia di Cyberjaya, Julai lalu. (Foto fail NSTP)